

Terserah kepada KDN untuk bertindak

— Khalil
UM 25 JUN 2001

PETALING JAYA 24 Jun
— Kementerian Penerangan menyerahkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk mengambil tindakan terhadap akhbar yang membangkitkan isu-isu perkauman yang boleh menjejaskan perpaduan di negara ini.

Menterinya, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, pihaknya menyokong kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berhubung isu itu kerana tidak mahu surat khabar yang tidak difahami oleh orang Melayu menyiarkan berita tidak berasaskan fakta.

“Tindakannya terpujang kepada kerajaan.

“Saya percaya KDN mencatat apa yang disebut oleh Dr. Mahathir,” katanya ketika merasmikan sambutan Mauhdur Rasul anjuran Angkatan Kemanusiaan Muslim (AKM) Selangor dan Wilayah Persekutuan di Dewan Sivik, di sini hari ini.

Sementara itu, Khalil mencabar Pas supaya mengemukakan dokumen bertulis mengenai perubahan negara Islam kerana selama ini parti pembangkang itu hanya menyebutnya sahaja tanpa mengemukakan bukti.

“Kalau dia pandai menuduh UMNO, Barisan Nasional dan kerajaan sekarang ini tidak mengamalkan konsep Islam ia perlu bukukan supaya kita boleh bahas dan berdebat,” jelasnya.

AKM ialah pertubuhan kebajikan Islam yang dianggotai oleh kaum India Muslim yang menjalankan aktiviti dakwah dan sosial.